

07/07/2005

RAFIDAH-SURAT

SURAT KEPADA DR MAHATHIR SUDAH SIAP UNTUK DIHANTAR, KATA RAFIDAH

IPOH, 7 Julai (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata surat kepada bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad bagi menjawab isu-isu yang dibangkitkan berhubung dasar automotif kerajaan oleh Penasihat proton itu telahpun siap.

Beliau berkata, pegawai khasnya akan menghantar surat itu kepada Dr Mahathir dan sedang menunggu masa yang sesuai untuk menyerahkannya.

"Surat itu bukannya (merupakan) penjelasan tetapi (mengandungi) semua fakta yang telah diserahkan kepada Kabinet semalam," kata Rafidah kepada pemberita selepas majlis "Sepetang Bersama Ketua Wanita Umno" anjuran Wanita Umno Perak di kediaman rasmi Menteri Besar di sini, hari ini.

"Lepas ini tidak ada lagi sebarang tambahan (kepada surat itu)," tegas beliau.

Rafidah berkata, beliau telah menyiapkan surat itu yang mengandungi semua fakta, perangkaan dan maklumat berhubung isu-isu yang dibangkitkan oleh Dr Mahathir di media berdasarkan keputusan Kabinet, semalam.

Semalam, Kabinet telah mengarahkan Rafidah untuk menulis surat kepada Dr Mahathir untuk menjawab kesemua isu yang ditimbulkan berkaitan dasar automotif kerajaan.

Bercakap kepada pemberita di Kuala Lumpur hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu "perlu memberikan jawapan kerana isu-isu itu mempunyai kaitan dengan kementeriannya."

Antara isu yang ditimbulkan oleh Dr Mahathir ialah tumpuan pemberian Permit Kelulusan (AP) untuk mengimport hanya kepada beberapa buah syarikat, dasar automotif kerajaan serta kemasukan kereta-kereta asing pada harga yang rendah yang telah mengurangkan daya saing kereta nasional.

Dr Mahathir berkata demikian di satu sidang media pada Selasa lepas di mana beliau mempertahankan kritikan ketua pegawai eksekutif Proton Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff terhadap dasar automotif kerajaan dalam satu temubualnya dengan sebuah akhbar harian berbahasa Cina, Oriental Daily.

Ketika ditanya sama ada beliau akan berjumpa dengan Dr Mahathir berhubung perkara itu, Rafidah berkata, setakat ini beliau tidak ada niat untuk berbuat demikian kerana akan bercuti mulai esok.

Ketika ditanya lagi sama ada selepas bercuti beliau akan berjumpa bekas perdana menteri itu, Rafidah berkata: "Mungkin masa itupun Tun (Dr Mahathir) tidak ada dalam negara. Kalau hendak jumpa, tunggulah... belum tahu lagi."

Rafidah berkata, surat kepada Dr Mahathir itu mengandungi semua maklumat dan kedudukan tentang semua isu.

Salinan surat itu juga telah dihantar kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, tegas beliau.

Ditanya mengenai kandungan surat itu, beliau berkata: "No comment (Tiada ulasan). Media jangan bangkitkan lagi (isu itu)... cukuplah penjelasan saya pada Tun (Dr Mahathir) dan Kabinet.

"Tidak elok dibangkitkan di media. Cukuplah, jangan bangkit. Saya boleh pilih media (untuk bangkitkan isu ini) tetapi saya tidak mahu. Saya pilih untuk tulis surat seperti mana yang diminta oleh Kabinet," kata Rafidah.

-- BERNAMA

AR MKO AHM